KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	14/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KEDAH			

Pengunjung lega dapat nikmati keindahan air terjun itu walaupun masih terdapat sisa banjir

TER Tupah mula dikunjungi selepas tragedi kepala air

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI

Taman Eko Rimba (TER) Tupah di Merbok yang 'sunyi' seketika selepas tragedi banjir lumpur dan kepala air dua bulan lalu kini mula dikunjungi orang ramai.

Biarpun masih terdapat kesan sisa banjir dan runtuhan tanah, pengunjung yang ditemui lega apabila dapat menikmati semula keindahan air terjun Tupah yang dikatakan lebih lebar dan jernih.

Hidayah Mansor, 37, dari Sungai Petani berkata, sebelum ini air terjun agak kering dan keruh namun selepas tragedi kepala air, kelebaran sungai makin besar.

Dia membawa anak-anaknya untuk mandi di kawasan itu kerana sudah lama mereka tidak berkunjung ke kawasan berkenaan.

"Saya pun bimbang juga kerana ada jalan yang retak tetapi kelihatan ramai pengunjung sebaik sahaja kami masuk ke sini," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Nor Hidayah Jamalufin, 33, dari Taman Arked Sungai Petani berkata, kebenaran rentas daerah dan peralihan Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara di Kedah membolehkan dia dan suami Mohd Syazrin Buamin, 33, serta anak-anak menikmati keindahan air terjun.



Orang ramai dilihat mula mengunjungi lokasi itu untuk beriadah.

Nor Hidayah yang kini sedang mengandung berkata, setelah lama di rumah, dia dan anak-anak gembira kerana boleh bermain air sungai sebagai lokasi melakukan aktiviti bersama keluarga sebelum berpantang.

"Sebelum ini kakak yang tinggal dekat sini sudah datang berkelah. Jadi kami teringin mandi di sungai kerana katanya air semakin jernih dan sungai lebar serta cantik," jelasnya.

Bagaimanapun, wanita itu mengakui keadaan laluan masuk yang agak berbahaya berikutan terdapat kesan rekahan kemungkinan akibat tragedi kepala air baru-baru ini.

"Sekiranya kerajaan tidak membenarkan pengunjung masuk, sepatutnya diletakkan papan tanda amaran yang besar supaya semua tahu," katanya.

Tragedi kepala air 18 Ogos lalu menyebabkan lebih 200 rumah di Kuala Muda dan lebih 800 rumah di Yan terjejas dengan enam nyawa terkorban.

Semua aktiviti rekreasi di Tupah tidak dibenarkan

SUNGAI PETANI - Sebarang aktiviti rekreasi seperti berkelah, berbasikal, mendaki dan seumpamanya di Taman Eko Rimba (TER) Tupah tidak dibenarkan atas faktor keselamatan.

Pegawai Hutan Daerah Kedah Tengah, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Mohd Aizat Arippin berkata, keputusan itu dibuat memandangkan masih terdapat sisa kayu berbahaya di dalam sungai terbabit dan kini sedang dalam tindakan pengalihan.

Menurutnya, kehadiran pengunjung dikhuatiri terdedah kepada risiko kemalangan berikutan terdapat sisa runtuhan selain kebimbangan terhadap kejadian tanah runtuh yang boleh berlaku pada bila-bila masa semasa waktu hujan.

"Penutupan ini secara tidak langsung dapat menjamin keselamatan dan kesihatan orang ramai daripada kejadian yang tidak diingini.

"Justeru, JPNK berharap agar orang awam akur dengan penutupan TER Tupah demi kebaikan bersama," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Rabu.

Dalam pada itu, Mohd Aizat berkata, pengumuman pembukaan semula akan dibuat pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Beliau berkata, penutupan itu juga melibatkan kesemua Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri di seluruh Kedah yang kini berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara bagi membendung penularan wabak Covid-19.



Mohd Syazrin mengambil peluang membawa isteri dan anak beriadah setelah lama tidak melakukan aktiviti bersama keluarga.



Hidayah mengakui air semakin jernih dan sungai semakin lebar selepas tragedi kepala air.



Sisa runtuhan dan pokok tumbang yang masih belum dialihkan di lokasi tragedi kepala air dekat Taman Eko Rimba Tupah di Merbok Kedah.